



**KENYATAAN MEDIA  
STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA,  
OKTOBER 2023**

**Bilangan penganggur terus menurun pada Oktober 2023  
merekodkan 570.9 ribu orang, dengan kadar pengangguran 3.4 peratus**

**PUTRAJAYA, 08 Disember 2023** – Bilangan penganggur terus menurun pada Oktober 2023 merekodkan 570.9 ribu orang, dengan kadar pengangguran 3.4 peratus, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan pada hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Oktober 2023**. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas prestasi keseluruhan bagi bulan Oktober 2023, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Pasar buruh pada Oktober 2023 terus mengukuh, berikutan aktiviti ekonomi semasa yang menggalakkan, dengan peningkatan berterusan dalam bilangan penduduk bekerja, manakala pengangguran semakin berkurangan. Oleh itu, bilangan tenaga buruh berada pada trend meningkat pada Oktober 2023, dengan pertambahan sebanyak 0.1 peratus bulan ke bulan mencatatkan 16.97 juta orang (September 2023: 16.95 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh pada Oktober 2023 tidak berubah iaitu pada 70.1 peratus seperti pada bulan sebelumnya.”

Selanjutnya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menjelaskan bahawa bilangan penduduk bekerja pada Oktober 2023 terus meningkat dengan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.2 peratus, mencatatkan 16.40 juta orang berbanding bulan sebelumnya (September 2023: 16.38 juta orang). Sebaliknya, bilangan penganggur pada Oktober 2023 terus berada dalam trend penurunan dengan pengurangan sebanyak 0.5 peratus kepada 570.9 ribu orang (September 2023: 573.7 ribu orang). Kadar pengangguran pada bulan tersebut kekal pada 3.4 peratus, seperti yang direkodkan pada bulan lalu.

Memperincikan lebih lanjut mengenai situasi guna tenaga, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Kategori pekerja merangkumi 75.3 peratus daripada jumlah penduduk bekerja pada Oktober 2023, mencatatkan sedikit peningkatan iaitu sebanyak 0.1 peratus kepada 12.35 juta orang (September 2023: 12.33 juta orang).

Begitu juga, kategori penduduk bekerja sendiri terus meningkat dengan pertambahan sebanyak 0.4 peratus kepada 2.99 juta orang (September 2023: 2.97 juta orang)."

Mengikut sektor ekonomi, terdapat peningkatan yang konsisten dalam bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan, terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong & runcit; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Pengangkutan & penyimpanan. Pada masa yang sama, sektor Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian, serta sektor Pertanian juga mencatatkan pertambahan dalam bilangan penduduk bekerja pada bulan Oktober 2023.

Mengulas lanjut mengenai situasi pengangguran pada bulan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan, merangkumi 80.1 peratus daripada jumlah penganggur. Kategori ini turun sebanyak 0.4 peratus merekodkan 457.2 ribu orang (September 2023: 458.9 ribu orang). Dalam kalangan penganggur aktif, mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan meliputi 61.6 peratus, sementara mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun adalah 6.2 peratus. Begitu juga, mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia atau penganggur tidak aktif berkurang sebanyak 0.9 peratus mencatatkan 113.8 ribu orang (September 2023: 114.8 ribu orang).

Pada Oktober 2023, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun adalah 10.7 peratus, dengan 313.3 ribu penganggur belia (September 2023: 10.6%; 310.1 ribu orang). Sementara itu, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun turun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 6.6 peratus, merekodkan bilangan penganggur belia seramai 439.6 ribu orang (September 2023: 6.7%; 440.0 ribu orang).

Bilangan luar tenaga buruh pula menurun sedikit iaitu sebanyak 0.02 peratus kepada 7.24 juta orang (September 2023: 7.24 juta orang). Komposisi terbesar bagi luar tenaga buruh adalah disebabkan oleh kerja rumah/tanggungjawab keluarga (42.6%) dan kategori bersekolah/ latihan (40.9%).

Mengakhiri kenyataan tersebut, ekonomi Malaysia dilihat bersedia ke arah prospek ekonomi yang lebih baik pada masa hadapan, dengan keyakinan perniagaan yang meningkat, mencerminkan perniagaan terus berkembang. Pertumbuhan ini adalah disokong oleh pasaran buruh yang semakin baik, permintaan domestik yang meningkat, peningkatan aktiviti pelancongan dan pelaksanaan projek infrastruktur, yang seterusnya akan meningkatkan peluang pekerjaan. Justeru, pasaran buruh negara dijangka akan terus berada dalam momentum pertumbuhan stabil pada bulan-bulan berikutnya, walaupun dalam persekitaran ekonomi yang mungkin mencabar.

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 08 Disember 2023**

Data siri masa dan maklumat lanjut mengenai pasaran buruh boleh diperolehi melalui papan pemuka Data Interaktif Pasaran Buruh Malaysia (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.




DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”


Kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan.”

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 08 Disember 2023**

**Carta 1: Pengangguran, Malaysia, Oktober 2020 - Oktober 2023**



**Carta 2: Luar tenaga buruh, Malaysia, Oktober 2020 - Oktober 2023**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
08 DISEMBER 2023**



**MEDIA STATEMENT  
LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA,  
OCTOBER 2023**

***The number of unemployed declined further in October 2023 to record 570.9 thousand persons, with 3.4 per cent unemployment rate***

**PUTRAJAYA, 08 December 2023** – The number of unemployed declined further in October 2023 to record 570.9 thousand persons, with 3.4 per cent of the unemployment rate, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Statistics of the Labour Force, Malaysia, October 2023**. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Commenting on the overall performance for October 2023, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The labour market in October 2023 further strengthened, reflecting the encouraging current economic activities, with a continuous increase in the number of employed persons, while unemployment is declining. Thus, the number of labour force was on an upward trend in October 2023, with an addition of 0.1 per cent month-on-month to register 16.97 million persons (September 2023: 16.95 million persons). The labour force participation rate in October 2023 was unchanged at 70.1 per cent as in the previous month.”

Adding to this, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also explained that the number of employed persons in October 2023 remained increasing with a month-on-month increase of 0.2 per cent, registering 16.40 million persons as compared to the previous month (September 2023: 16.38 million persons). On the contrary, the number of unemployed persons in October 2023 continued its downward trend with a reduction of 0.5 per cent to 570.9 thousand persons (September 2023: 573.7 thousand persons). The unemployment rate during the month remained at 3.4 per cent, as recorded last month.

Elaborating further on the employment situation, the Chief Statistician Malaysia said, “Employees’ category comprised 75.3 per cent of the total employed persons in October 2023, registering a marginal rise of 0.1 per cent to 12.35 million persons (September 2023: 12.33 million persons). Likewise, the own-account workers category continued to increase with an addition of 0.4 per cent to 2.99 million persons (September 2023: 2.97 million persons).”

*In the economic sector, there is a consistent increase in the number of employed persons in the Services sector, notably in Wholesale & retail trade; Food & beverage services; and Transportation & storage activities. On the same note, the Manufacturing, Construction, Mining & quarrying sectors, as well as the Agriculture sector also posted rises in the number of employed persons in October 2023.*

*Enlightening further on the unemployment situation during the month, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that the actively unemployed or those who were available for work and were actively seeking jobs, represented 80.1 per cent of the total unemployed persons. This category decreased by 0.4 per cent to record 457.2 thousand persons (September 2023: 458.9 thousand persons). Among the actively unemployed, those who were unemployed for less than three months encompassed 61.6 per cent, while those who were in long-term unemployment for more than a year were 6.2 per cent. Similarly, those who believed that there were no jobs available or were inactively unemployed went down by 0.9 per cent to register 113.8 thousand persons (September 2023: 114.8 thousand persons).*

*In October 2023, the unemployment rate for youth aged 15 to 24 years was 10.7 per cent, with 313.3 thousand unemployed youths (September 2023: 10.6%; 310.1 thousand persons). Meanwhile, the unemployment rate for youth aged 15 to 30 years fell by 0.1 percentage points to 6.6 per cent, recording the number of unemployed youths at 439.6 thousand persons (September 2023: 6.7%; 440.0 thousand persons).*

*The number of outside labour force decreased slightly by 0.02 per cent to 7.24 million persons (September 2023: 7.24 million persons). The largest composition of the outside labour force was due to housework/ family responsibilities (42.6%) and the schooling/ training category (40.9%).*

*Concluding the statement, Malaysia's economy is poised to navigate a healthier economic prospect in the future, with business confidence increasing, reflecting businesses continuing to grow. This growth is underpinned by an improving labour market, burgeoning domestic demand, improving tourism activities and the implementation of infrastructure projects, which in turn may increase job opportunities. Therefore, the country's labour force is anticipated to maintain steady growth momentum in the near term, albeit in a potentially challenging economic environment.*

*Time series data and more information on the labour market can be obtained through the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) dashboard. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.*




DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my> portal.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life.”

**Chart 1: Unemployment, Malaysia, October 2020 - October 2023**



**Chart 2: Outside labour force, Malaysia, October 2020 - October 2023**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
08 DECEMBER 2023**